

Bagaimana pembedahan dilakukan?

Penderma (Uninephrectomy Penderma yang Masih Hidup)

Pembedahan untuk mengeluarkan buah pinggang boleh dilakukan melalui:

- + Pembedahan terbuka, melalui insisi pinggang; ATAU
- + Pembedahan laparaskopi (pembedahan 'lubang kunci'), di mana kamera dan instrumen kecil dimasukkan ke dalam abdomen melalui luka yang sangat kecil (0.5 hingga 1.5 cm). Ini digunakan untuk memisahkan buah pinggang dan lekapannya di mana buah pinggang dikeluarkan melalui insisi kedua bersaiz 5-7cm di bahagian bawah abdomen. Oleh kerana insisi kedua tidak melibatkan pemotongan otot, kaedah ini membolehkan pemulihan yang lebih cepat untuk penderma berbanding dengan pembedahan terbuka tradisional.

Pakar bedah akan memilih jenis yang paling sesuai untuk anda.

Penerima Pemindahan Buah Pinggang
Insisi dibuat di depan bahagian bawah abdomen. Buah pinggang yang baharu dijahit ke dalam tempatnya di dalam pelvis dan insisi ditutup. Buah pinggang 'asal' penerima sendiri biasanya tidak dikeluarkan.

Setiap pembedahan mengambil masa kira-kira 3 hingga 4 jam dan penderma dan penerima dipantau di Unit Kebergantungan Tinggi. Penderma biasanya dibenarkan pulang dalam masa tiga hari selepas

pembedahan; manakala penerima boleh dibenarkan pulang dalam masa 7 hingga 10 hari.

Bilakah pemindahan buah pinggang penderma yang masih hidup boleh dilakukan?

Pemindahan buah pinggang yang masih hidup boleh dilakukan walaupun sebelum memulakan dialisis. Ini dikenali sebagai pemindahan awal. Pemindahan juga boleh dilakukan selepas memulakan dialisis.

Apakah kadar kejayaan untuk pemindahan buah pinggang penderma yang masih hidup?

Pada akhir tahun pertama pemindahan, lebih daripada 95% pesakit mempunyai buah pinggang yang berfungsi dan tidak perlu menjalani dialisis. Dari masa ke masa, sesetengah pemindah buah pinggang mungkin gagal akibat penolakan atau sebab sebab lain, tetapi jangka hayat purata buah pinggang penderma hidup adalah lebih daipada 20 tahun. Walaupun pendermaan semasa hidup merupakan satu pengorbanan, ia adalah hadiah yang paling mulia seseorang individu boleh berikan kepada seseorang yang disayangi: apa yang diperlukan hanyalah penderma yang rela dan sesuai.

Our Patient Care Institutions

National University Hospital
Ng Teng Fong General Hospital & Jurong Community Hospital
Alexandra Hospital
National University Polyclinics
Jurong Medical Centre
National University Cancer Institute, Singapore
National University Heart Centre, Singapore
National University Centre for Oral Health, Singapore
NUHS Diagnostics
NUHS Pharmacy

OneNUHS Hotline: (65) 6908 2222
OneNUHS General Enquiries: contactus@nuhs.edu.sg
OneNUHS Appointments: appointment@nuhs.edu.sg
Opening Hours: 7.30am to 5.00pm (Mon to Fri)
www.nuhs.edu.sg



Scan the QR code for more information on our patient care institutions.

Take charge of your health and access health information and services across NUHS institutions.
Download the NUHS App now!



Scan to download


Maklumat yang diberikan dalam penerbitan ini adalah semata-mata untuk tujuan pendidikan dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti diagnosis atau rawatan perubatan. Anda harus mendapatkan nasihat doktor anda atau penyedia penjagaan kesihatan yang bertauliah sebelum memulakan sebarang rawatan atau jika anda mempunyai sebarang soalan berkaitan kesihatan, kecergasan fizikal atau keadaan perubatan anda.

Maklumat adalah betul pada masa cetakan [2025] dan tertakluk kepada semakan tanpa notis terlebih dahulu. Hak Cipta [2025] Hospital Universiti Nasional

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran bertulis daripada Hospital Universiti Nasional



Pemindahan Buah Pinggang



Pemindahan Buah Pinggang

APAKAH PEMINDAHAN BUAH PINGGANG?

Pemindahan Buah Pinggang adalah satu pembedahan di mana pesakit dengan kegagalan buah pinggang (penerima) menerima buah pinggang daripada orang lain (penderma). Ubat imunosupresan digunakan untuk mencegah penolakan buah pinggang yang dipindahkan dan membolehkannya berfungsi seperti buah pinggang normal-membersihkan badan penerima daripada toksin, membersihkan toksin badan penerima, mengeluarkan garam dan air yang berlebihan dan menghasilkan hormon yang diperlukan untuk mengekalkan kesihatan. Buah pinggang untuk pemindahan boleh diperolehi daripada individu yang masih hidup (penderma yang masih hidup) atau mereka yang telah meninggal dunia di Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital.



Mengapa pemindahan buah pinggang penderma yang masih hidup?

Berbanding dengan dialisis, penerima pemindahan buah pinggang:

- + Hidup lebih lama kerana fungsi buah pinggang mereka telah dipulihkan
- + Mempunyai taraf kesihatan yang lebih baik
- + Mempunyai kurang sekatan pada pemakanan dan air
- + Mempunyai lebih banyak masa dan tenaga
- + Mempunyai kualiti hidup yang lebih baik

Berbanding dengan pemindahan buah pinggang penderma yang telah meninggal dunia, pemindahan buah pinggang penderma yang masih hidup:

- + Mempunyai fungsi buah pinggang yang lebih baik kerana buah pinggang penderma hidup biasanya lebih sihat
- + Mempunyai kadar kejayaan yang lebih tinggi
- + Mengelakkan masa menunggu yang lama untuk dialisis

Siapa yang boleh menjadi penderma buah pinggang yang masih hidup?

Penderma yang masih hidup boleh:

- + Berkait secara biologi dengan penerima, seperti ibu atau bapa, adik-beradik, anak atau saudara lebih jauh seperti ibu saudara, bapa saudara, sepupu, anak saudara lelaki atau anak saudara perempuan
- + Berkait secara emosi dengan penerima seperti suami atau isteri, kawan malah keluarga suami atau isteri
- + Kadangkala, malah orang yang tidak dikenali, berhasrat untuk menderma buah pinggang kepada seseorang yang memerlukan pemindahan (penderma altruistik)

Penderma yang masih hidup mesti:

- + Sekurang-kurangnya berumur 21 tahun; penderma yang lebih tua daripada 65 tahun boleh dipertimbangkan berdasarkan kes demi kes
- + Bebas daripada penyakit berikut:
 - Barah
 - Kencing manis
 - Penyakit jantung
 - Hepatitis B atau C
 - Jangkitan HIV atau AIDS
 - Penyakit buah pinggang.

Bagaimana jika kumpulan darah antara penderma yang hidup dan penerima berbeza?

Pemindahan buah pinggang boleh dilakukan di antara kumpulan darah yang berbeza selagi ia serasi seperti yang ditunjukkan di bawah:

Kumpulan Darah Penerima	Kumpulan Darah Penderma Yang Serasi	Kumpulan Penderma Yang Tidak Serasi
O	O	A, B, AB
A	A, O	B, AB
B	B, O	A, AB
AB	A, B, AB, O	Tiada

Jika kumpulan darah tidak serasi, pemindahan buah pinggang penderma yang hidup masih boleh dilakukan, walaupun pemindahan jenis ini mempunyai risiko penolakan yang lebih tinggi sedikit.

Adakah terdapat sebarang risiko kepada penderma buah pinggang yang masih hidup?

- + Individu yang sihat hanya memerlukan satu buah pinggang untuk hidup secara normal.
- + Pendermaan buah pinggang tidak akan menjejaskan kesihatan, jangka hayat atau tahap tenaga penderma, selagi penderma dinilai dengan cermat dan teliti sebelum pembedahan, seperti di pusat kami.
- + Walau bagaimanapun, penderma akan dipantau sepanjang hayat, kerana mereka mungkin mempunyai risiko lebih tinggi untuk:
 - Mengalami tekanan darah tinggi
 - Kehadiran protein dalam air kencing
 - Fungsi buah pinggang yang berkurangan dalam jangka panjang

Pembedahan pemindahan organ

